

KATA NAFI

(a) Lengkapkan ayat dengan kata nafi yang betul.

Bersatu Kita Berjaya

Kelab Doktor Muda, SK Perdana akan membuat pembentangan tentang penjagaan gigi. Aktiviti ini diadakan sempena Bulan Kesihatan.

Wah, cantiknya! Pandai sungguh kamu mewarnakan replika gigi ini. _____ mudah untuk mewarnakannya," puji Imran kepada Li Kiang.

"_____ saya sahaja yang mewarnakan replika ini. Hemalini juga membantu saya," jelas Li Kiang.

"Imran, pembentangan penjagaan gigi ini diadakan pada minggu ini?" tanya Li Kiang pula.

"Pembentangan ini _____ pada minggu ini. Mungkin diadakan pada minggu hadapan," Imran memberitahu.

"Pembentangan ini _____ mungkin diadakan pada minggu hadapan kerana peperiksaan akan bermula," kata Hemalini.

"Kalau begitu, kita masih ada masa untuk menyiapkan replika gigi ini," kata Imran.

"Ya, Imran. _____ kamu sahaja yang berfikiran begitu. Saya juga berasa lega. Kita dapat memperkemas replika gigi kita ini," jelas Li Kiang.

"Betul kata kamu, Li Kiang dan Imran. Kita _____ akan mensia-siakan masa yang ada. Kalau kita tidak bekerjasama, _____ mungkin kita akan dapat menyiapkan replika ini mengikut tempoh yang ditetapkan.

"Kamu jangan susah hati, Kiran. Saya yakin kalau kita saling membantu, kita pasti dapat menyiapkannya," kata Imran dengan semangatnya.